

Ucapan Aluan Naib Canselor  
Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Asma Ismail  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena  
**Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri Sembilan  
Serta  
Pelancaran *IM4U Outreach Centre*  
&  
*University Community Transformation Centre (UCTC)***

Galeri Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
10.00 pagi  
12 Mac 2013M / 29 RabiulAkhir 1434H (Selasa)

---

*Terima kasih pengerusi majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam Satu Malaysia*

[SALUTASI]

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji  
Hasan**

Menteri Besar Negeri Sembilan

**Yang Berhormat Dato' Haji Mat Ali Hasan**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul  
Shukor Haji Husin**

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia

**Pengarah Yayasan Negeri Sembilan**

**Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar,  
Jabatan Pengajian Tinggi,**

**Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti Sains Islam  
Malaysia,**

**Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai- Pegawai Kanan Universiti,**

**Rakan-rakan Media serta Para Pelajar Yang Dikasihi Sekalian.**

1. Pertama sekali, marilah kita memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah s.w.t yang mana dengan keredhaan-Nya jualah, dapat kita berhimpun di **Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri Sembilan** serta Pelancaran **1M4U Outreach Centre** dan **University Community Transformation Centre** pada pagi yang indah ini.

2. Bagi pihak Universiti Sains Islam Malaysia, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan** serta **Dhif-dhif Kehormat** kerana sudi sekali lagi untuk meluangkan masa bertemu dengan para warga USIM hari ini. Sebagai tuan rumah, saya amat berbesar hati dan mengucapkan Selamat Datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama. Sesungguhnya, kehadiran YAB. Dato' Seri Utama amatlah besar ertinya kepada seluruh warga USIM dalam pada kita semua maklum bahawa jadual kerja harian YAB. Dato' Seri Utama sudah pastilah padat dengan pelbagai agenda memajukan agama, bangsa, negeri dan negara. Lebih-lebih lagi pilihanraya umum yang kian tiba pada bila-bila masa.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama dan Hadirin Sekalian,**

3. Seluruh warga USIM masih ingat apabila YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan dalam ucapan amanatnya ketika Hari Ta'aruf Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2012/2013 pada 05 September 2012 lalu telah mengumumkan berita gembira buat seluruh warga USIM di mana Kerajaan Negeri Sembilan telah berbesar hati menyumbangkan bantuan kewangan kepada USIM

berjumlah RM500,000.00 dengan tujuan untuk menggerakkan aktiviti pembangunan pelajar dan aktiviti pengantarabangsaan pelajar.

4. Hari ini, USIM berasa amat bertuah di atas kesudian YAB Dato' Seri Utama menyalurkan sumbangan tersebut kepada USIM. Kami warga USIM mengaku janji kepada YAB Dato' Seri Utama bahawa sumbangan yang diberikan ini akan digunakan sebaik-baiknya untuk memperkasakan lagi aktiviti mahasiswa/i di USIM.

5. Antara inisiatif awal yang telah digerakkan dalam usaha pemerkasaan tersebut adalah penubuhan **IM4U Outreach Centre** dan **University Community Outreach Centre (UCTC)** di USIM yang akan dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Utama sebentar lagi.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama dan Hadirin Sekalian,**

6. Telah menjadi hasrat YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia supaya setiap IPTA menubuhkan 1M4U Outreach Centre sendiri. Ini bertujuan untuk menggalak dan memupuk budaya kesukarelawanan di dalam diri setiap pelajar agar mereka prihatin dan cakna dengan persekitaran serta menyumbang khidmat dan bakti kepada kumpulan masyarakat yang memerlukan tanpa mengira peringkat umur, bangsa mahupun agama.

7. Komitmen YAB Perdana Menteri amat nyata apabila beliau melancarkan 1M4U Outreach Centre di UiTM Puncak Alam sebagai simbolik pelancaran di peringkat nasional pada 02 Mac 2013 lalu.

8. Dalam hal ini, USIM turut tidak ketinggalan menggerakkan pelbagai program kesukarelawanan di Nilai khususnya, di Negeri Sembilan amnya dan juga di peringkat antarabangsa.

9. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah **pembersihan dan penjernihan air Sungai Temiang di Seremban** dan **pantai di Port Dickson** dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan, **khidmat bakti di perkampungan masyarakat Orang Asli di Kampung Tekir, Labu** dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan **pengembaraan pelajar melalui *Global Islamic Students Outreach (GISO)*** ke lebih daripada 14 buah negara sejak dua (2) tahun yang lalu.

10. Dalam pada itu, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin, Menteri Pengajian Tinggi dalam ucapan Amanat Tahun Baru 2013 pada 29 Januari 2013 telah menggariskan keperluan merekayasa institusi pengajian tinggi melalui penubuhan **University Community Transformation Centre (UCTC)**.

11. UCTC bermatlamat untuk merakyatkan ilmu dan mengoptimumkan prasarana fizikal di USIM untuk dikongsi bersama dan sekaligus mentransformasikan masyarakat setempat terutamanya di Nilai ini sendiri dan di seluruh Negeri Sembilan.

12. Dengan ini, ilmu bukan sahaja dapat disampaikan oleh tenaga pengajar USIM kepada para pelajarnya, malah manfaatnya turut dapat dikongsi bersama dengan pelbagai lapisan masyarakat termasuklah suri rumah, kanak-kanak pra-sekolah, murid-murid sekolah, masyarakat orang asli dan orang kelainan upaya (OKU) yang ada di Negeri Sembilan khususnya selain mengoptimumkan kemudahan serta kelebihan lain yang ada di USIM.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama dan Hadirin Sekalian,**

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya dan seluruh warga USIM merakamkan **ucapan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama dan Kerajaan Negeri Sembilan** di atas sumbangan yang diberikan dan di atas kesudian memenuhi undangan USIM ke majlis pada hari ini. Jasa baik yang ditaburkan tidak mungkin dapat kami lupakan dan hanya Allah S.W.T. yang lebih berhak untuk mengganjarkannya.

14. Akhir kata, tanpa membuang masa, saya bagi pihak USIM sekali lagi ingin merakamkan jutaan terima kasih atas kehadiran serta luangan masa Yang Berhormat Dato' Seri untuk menyempurnakan majlis sebentar lagi. Sekali lagi, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan kerana tidak putus-putus memberikan sokongan dan bantuan kepada semua pelajar USIM selama ini. Semoga majlis ini akan diberkati oleh Allah s.w.t dan memberikan manfaat kepada kita semua.

15. Sekian, *Wabillahit Tawfiq wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.*